



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERUSAHA TUAN HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PROGRAM KEMPEN KESEDARAN ALAM
SEKITAR *WASTE TO WEALTH*

TARIKH / MASA / TEMPAT

23 JUN 2024 (AHAD)

11.00 PAGI

PASARAYA C-MART
BANDAR TASEK MUTIARA
SUNGAI BAKAP

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YB Dr. Zaliha Binti Mustafa

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan)

YB Tuan H'ng Mooi Lye

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan
Perancangan Bandar & Desa

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati

En Bernard Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

Pn Normahani Binti Muhammad

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul dalam **Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar *Waste to Wealth*** di Pasaraya C-Mart Bandar Tasek Mutiara, Sungai Bakap.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dr Zaliha binti Mustafa, Menteri Wilayah Persekutuan yang sudi hadir untuk merasmikan **Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar *Waste to Wealth*** ini.
3. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis: Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; warga kerja MBSP; rakan-rakan strategik MBSP dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan program pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia

dan semua jabatan yang terlibat dalam menjayakan program pada hari ini.

4. Kitar semula merupakan satu konsep penjagaan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Memandangkan jumlah sampah harian manusia semakin bertambah tahun demi tahun selari dengan pertambahan populasi, maka amalan kitar semula dilihat satu alternatif yang bagus untuk melambatkan penggunaan sumber-sumber semulajadi yang terdapat di sekeliling kita.
5. Plastik, kertas, tin aluminium, kotak, sisa elektrik / barangan elektrik kecil dan pelbagai lagi sampah yang biasanya dibuang begitu sahaja ke pusat pelupusan sampah sebenarnya boleh dikitar semula untuk dijadikan bahan atau barangan baru. Aktiviti kitar semula memberi banyak kebaikan seperti dapat mengurangkan jumlah sampah, menjimatkan kos pelupusan oleh MBSP, dapat mengelakkan berlaku kejadian sampah longgok dan haram, serta mendidik masyarakat dalam penjagaan alam sekitar.
6. MPSP telah memperkenalkan **Smart Consumption Model 8R** iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, ReGift, Recover and Recycle*, yang bertujuan untuk mengurangkan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dan meningkatkan kadar kitar semula. Pelbagai program-program dilaksanakan untuk memaksimumkan kitar semula, meminimalkan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan serta

memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan.

7. Sekiranya semua masyarakat kita mengamalkan kitar semula maka kos pengurusan sisa pepejal dapat dikurangkan, sekaligus MBSP akan dapat menjimatkan jutaan ringgit. Hasil daripada penjimatan ini, MBSP sudah pasti dapat membelanjakan wang tersebut untuk keperluan rakyat dan penduduk Seberang Perai.
8. Untuk memastikan keberkesanan program kitar semula, MBSP menjalin kerjasama strategik dengan universiti, sekolah, NGO dan persatuan penduduk. Salah satu kaedah adalah dengan mewujudkan **pusat-pusat kitar semula** di kawasan-kawasan perumahan dan kampung di seluruh Seberang Perai. Sehingga ini terdapat 37 pusat kitar semula di Seberang Perai iaitu 12 Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Utara, 18 Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Tengah, dan tujuh (7) Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Selatan.
9. MBSP juga menggalakkan dan mengamalkan proses mengubah bahan buangan atau terpakai menjadi produk yang mempunyai nilai lebih tinggi tanpa merosakkan alam sekitar. Proses ini yang dikenali **upcycle**, secara amnya, menentang amalan pembaziran dan mempromosikan penggunaan kembali bahan-bahan buangan untuk mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar.

10. Untuk itu, MBSP telah menubuhkan Unit *Upcycle* Majlis Bandaraya Seberang Perai, yang merupakan langkah yang positif dalam menggalakkan amalan kelestarian alam dan mengurangkan kadar sampah ke tapak pelupusan. Unit *Upcycle* Majlis Bandaraya Seberang Perai ini terdiri daripada 41 kakitangan wira oren yang akan bertindak sebagai pasukan yang memberi pendedahan berkenaan amalan *upcycle* dan asas kitar semula kepada komuniti setempat dan pelbagai agensi melalui program dan pameran alam sekitar. Program yang dilaksanakan ini juga merupakan hasil usaha MBSP dalam mempergiatkan usaha untuk menggalakkan dan memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan kitar semula bagi penjagaan alam sekitar.

11. **Pengurangan sisa organik di punca** merupakan salah satu pendekatan penting hierarki pengurangan sisa. Pengurusan sampah dan pembersihan awam menelan belanja yang tinggi yang harus dipikul oleh MBSP. Dengan pengurangan sisa organik di punca akan mengurangkan kos pengendalian sisa makanan oleh penjana sisa dan mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan. Di peringkat permulaan, MBSP mengutip sisa-sisa organik daripada 24 pasar awam di Seberang Perai, yang kemudiannya diproses menjadi baja kompos menggunakan mesin kompos yang diletakkan di lima (5) depoh. Baja kompos berkenaan digunakan di Kebun Komuniti Hijau di Padang Cempedak.

12. **Pengurusan Sisa Pepejal** merupakan satu aspek yang sangat penting, di mana secara purata, sebanyak 2,500 tan sisa pepejal di hantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung setiap hari bagi dilupuskan secara kambus tanah. Berdasarkan pengiraan dan kajian yang dijalankan, Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung yang berkeluasan 315 ekar hanya mampu bertahan sehingga tahun 2040. Sehubungan itu, cadangan penggunaan teknologi atau kaedah pengurusan sisa pepejal yang efisien, kos efektif dan selamat bagi menguruskan sisa pepejal sentiasa diterokai dan dikaji.
13. Salah satu usaha dalam mengurangkan sampah ke tapak pelupusan adalah pembinaan dan pengoperasian *Integrated Solid Waste Management Centre* (ISWMC) di Ampang Jajar. ISWMC adalah merupakan projek pertama di dalam Malaysia yang menggunakan sampah domestik sebagai bahan utama untuk menghasilkan *methane* dalam *Anaerobic Digester* (AD). Projek yang bakal siap pada tahun 2025 ini dijangka mengurangkan sisa pepejal yang akan dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) bermula dengan pengurangan 50% kapasiti sampah pada tahun 2025 sehingga 2027 dan akan meningkat kepada 90% bermula pada tahun 2027 sehingga 2040.
14. Hasil daripada rawatan sisa pepejal ISWMC akan menghasilkan *by-product* iaitu gas methane, sisa kitar semula dan kompos di mana

ianya dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah yang dijangka akan penuh menjelang 2040. Lori yang digunakan untuk pemindahan sisa akan berkurangan dan akan mengurangkan penghasilan carbon foot print dan memastikan Pelan Tindakan bagi *Green Print* Bandar Rendah Karbon Seberang Perai 2030 dicapai dan inisiatif *circular economy* pertama di Malaysia.

15. Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar *Waste To Wealth* yang dianjurkan hari ini, adalah merupakan aktiviti yang menggalakkan usaha dalam melestarikan alam sekitar, mendidik masyarakat tentang kepentingan kitar semula serta memberi kesedaran bahawa sisa kitar semula adalah sesuatu yang berharga dan boleh menjana pendapatan. Ianya juga bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran tentang pengasingan sisa dipunca serta impak yang akan berlaku sekiranya kita tidak mengamalkan aktiviti kitar semula kepada alam sekitar.

16. MBSP telah menjalin kerjasama strategik dengan Syarikat Greenviro Solution Sdn. Bhd., AE Carbon Capital Sdn. Bhd., Cycle Trend Sdn. Bhd., GRN Industries Sdn. Bhd., Arus Oil Sdn. Bhd., Nestle Malaysia, Syarikat Tetrapak Malaysia, Miraico Sdn. Bhd., KGreen Enviro Tech Sdn. Bhd. dan Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah dalam usaha untuk melaksanakan program ini di sini.

17. Program ini melibatkan sesi-sesi penerangan, taklimat dan mengadakan pameran pendidikan berkaitan kitar semula oleh syarikat-syarikat yang terlibat bagi wakil-wakil JMB / MC, pengunjung-pengunjung Pasaraya C-Mart, penduduk sekitar yang menyertai program pada hari.
18. Syarikat Greenviro Solution Sdn. Bhd., AE Carbon Capital Sdn. Bhd., Cycle Trend Sdn. Bhd. dan GRN Industries Sdn. Bhd. mengadakan pameran mengenai teknologi terkini mengenai pengurusan sisa pepejal dan kitar semula. KGreen Enviro Tech Sdn. Bhd. membuat pameran mengenai kompos sisa organik dan Miraico Sdn. Bhd. pameran berkenaan *Black Fly Soldier* manakala Nestle Malaysia dan Syarikat Tetrapak Malaysia adalah berkenaan kitar semula kotak minuman makanan jenis tetra pack.
19. Program pembelian minyak masak terpakai juga akan diadakan pada hari ini di bawah kendalian Syarikat Arus Oil Sdn. Bhd. dengan harga belian sebanyak RM3.00 bagi setiap kilogram.
20. Seramai 50 orang kakitangan MBSP yang bermastautin sekitar kawasan ini dijemput bersama-sama menyertai program ini supaya program ini juga akan dapat memberi manfaat kepada kakitangan MBSP.

21. MBSP berharap agar Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar *Waste To Wealth* ini berjaya menarik dan memupuk minat para pengunjung untuk menjadikan kitar semula sebagai satu budaya dan sekaligus memberi impak dalam menjayakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang akan berkuatkuasa mulai Julai 2024. Semua pihak juga diharap dapat menekankan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dalam mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif**”.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***